

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Ahli Umno meningkat sejuta dalam 2 tahun

HASRAT GENERASI MUDA DIPENUHI

Oleh SAAD HASHIM

LONDON, Isnin — Golongan muda terutama penuntut-penuntut tidak patut lagi bersikap anti-kerajaan kerana kerajaan sekarang sentiasa memaham hasrat generasi muda serta cuba memenuhinya.

Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga mengamalkan sikap liberal bagi memberi peluang setiap orang menyuarakan pendapatnya, kata Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Khalil Yaakub.

Beliau berucap demikian ketika

meresmikan mesyuarat agung khas Kelab UMNO United Kingdom dan Elre di Birmingham dekat sini Sabtu lalu.

Beliau datang ke United Kingdom sebagai wakil khas Datuk Seri Dr. Mahathir di Malam Malaysia anjuran Kelab UMNO di sebelah malamnya sempena menyambut Merdeka 25 tahun.

Selama beberapa hari di sini, Datuk Khalil juga menemui penuntut-penuntut Malaysia di beberapa tempat.

Datuk Khalil menjelaskan, sebagai bukti bahawa golongan

muda memang mendapat tempat dalam pemerintahan sekarang ialah di dalam UMNO sendiri ramai generasi muda telah ditonjolkan.

Ramal pucuk pimpinan UMNO di peringkat bawahan terdiri dari mereka yang berumur kurang 30 tahun, manakala ramai anggota Parlimen UMNO yang berusia kurang dari 40 tahun.

Katanya lagi, keahlian UMNO sekarang sudah mencecah angka satu juta, walhal kira-kira dua ta-

hun lalu ia hanya berjumlah 600,000 orang sahaja.

Ini menunjukkan ramai pihak terutama golongan muda dan cerdik-pandai yang sudah sedar bahawa UMNO sahajalah yang memperjuangkan dan dapat mempertahankan kedudukan bangsa Melayu dan agama Islam.

Menurut beliau lagi, Kerajaan 2M sekarang adalah secara sungguh-sungguh melaksanakan segala dasar yang ditentukan

sambil itu menunjukkan contoh kepada rakyat.

Umpamanya, untuk membasmi rasuah badan Badan Penyiasat Rasuah telah disusun semula dan sekarang dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah yang diberikan kuasa memburu siapa sahaja yang disyaki tanpa mengira bulu.

Potongan

Begitu juga, kerana kemerosotan ekonomi pemimpin-pemimpin sendiri menunjukkan contoh Jimat-berhemat dengan menerima potongan gaji masing-

masing.

Walaupun ini merupakan langkah simbolik tetapi ia meninggalkan kesan baik di kalangan rakyat.

Datuk Khalil menasihatkan penuntut-penuntut, "Kalau dahulu, anak-anak muda kita sebagai satu golongan muda perlu bertindak secara ahli establishment.

"Kerana ini boleh menonjolkan segala tindakan kita. Dahulu kita mengatakan bahawa di peringkat kita masih muda ini kita mesti menunjukkan bukti kita mahu menjadi pressure group.